

**AMALAN PEMBELAJARAN SECARA KOLEKTIF DAN PENGAPLIKASIAN  
DALAM KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL: PERSPEKTIF  
PENGETUA CEMERLANG SEBAGAI SENIOR LEADER TEAM (SLT)**

**Norisin Mohamad**  
**Ahmad Zabidi Abdul Razak**  
**Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud**  
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya  
*norisin@ipgkmsm.edu.my*

The latest and active practices implemented in developed countries in the process of school improvement is the Professional Learning Community (PLC). There are many PLC Models written by Western researchers and often referenced by local researchers in Malaysia. One of the models that are often referred to is the PLC Model written by Olivier, D. F., & Hipp, K. K. (2010). Collective Learning and Application Practices is one of the dimensions found in that model. There are eleven characteristics listed in Collective Learning and Application Practices and appropriate in the context of the Western educational environment. The question now is whether all these characteristics are practiced in the context of the local educational environment or is it possible that other characteristics that are suitable and practiced in the Malaysian context. This research was conducted to analyze the characteristics of the Collective Learning and Application Practices from the PLC Model written by Olivier, D. F., & Hipp, K. K. (2010). This research uses a qualitative method based on a conceptual framework adapted from the PLC Model written by Olivier, D. F., & Hipp, K. K. (2010). The research instrument used in the qualitative data collection procedure was the PLC-related interview protocol. The data obtained through the qualitative interview was analyzed using the ATLAS.ti software. Samples for qualitative methods were based on purposive sampling techniques which involved an excellent principal from the selected school. The findings showed that there were three items or new attributes in the Collective Learning and Application Practices that are not stated in the PLC Model.

**Keywords:** *Professional Learning Community (PLC), Collective Learning and Application Practices*

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) pada awal tahun 2015 yang merupakan sebahagian daripada usaha KPM ke arah meningkatkan kemenjadian murid dan menghasilkan sekolah berkualiti. Melalui program TS25 yang telah diperkenalkan tersebut, sekolah diharapkan dapat mengaplikasikan amalan terbaik dan profesional dalam aspek pengurusan, kepemimpinan, pedagogi serta amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) sebagaimana hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. Dalam PPPM 2013-2025, terdapat sebelas anjakan utama untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara. Aspek komuniti

pembelajaran profesional (KPP) tidak terkecuali diberi penekanan utama melalui penglibatan dan kerjasama pihak sekolah dengan ibu bapa dan komuniti luar serta sektor swasta secara meluas. Menerusi anjakan ke-sembilan dalam PPPM 2013-2015, hasrat KPM adalah selari dengan amalan KPP iaitu amalan penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan bagi memperoleh kesan dapatan jangka panjang (KPM, 2019; DuFour, 2001). Contoh amalan KPP yang boleh dilaksanakan ialah melanjutkan amalan dalam bilik darjah ke dalam komuniti, membawa komuniti ke sekolah untuk menyokong sekolah dalam pengajaran guru dan pembelajaran murid serta melibatkan murid, guru dan pihak pengurusan sekolah secara kolaboratif dalam pembelajaran (Boyer, 2010).

Perkara ini telah diperjelas oleh Hipp dan Huffman (2003) yang menghuraikan bahawa komuniti yang dimaksudkan di sini bukanlah hanya merujuk kepada kumpulan profesional iaitu guru-guru, para pentadbir dan kakitangan yang berada di sekolah sahaja, tetapi ia juga merujuk kepada kumpulan profesional dan bukan profesional yang berada di luar sekolah. Kumpulan profesional yang berada di luar sekolah sebagaimana yang dimaksudkan adalah seperti ahli-ahli akademik di pusat-pusat pengajian tinggi, manakala kumpulan bukan profesional yang berada di luar sekolah adalah seperti ibu bapa, agensi-agensi kerajaan dan juga swasta. Kesemua kumpulan ini mengikut Hipp dan Huffman (2003) adalah bertanggungjawab dan mempunyai peranan masing-masing dalam membantu meningkatkan pembelajaran murid melalui kerjasama secara kolaboratif yang dihasilkan daripada pembentukan KPP.

Berdasarkan penjelasan di atas, maka adalah sangat bertepatan sekali sekiranya amalan KPP ini diterapkan dalam sistem pendidikan negara. KPM telah memilih langkah yang betul dan sesuai dengan memasukkan elemen KPP dalam anjakan ke-sembilan PPPM 2013-2025 yang menetapkan matlamat kerjasama antara pihak sekolah dengan komuniti bagi melengkapkan pembelajaran murid-murid. Kejayaan amalan KPP di negara maju boleh dijadikan penanda aras sejauh manakah kemajuan amalan tersebut telah terlaksana di Malaysia (Muhammad Faizal et al., 2013). Namun, perbincangannya mestilah lebih berfokus kepada konteks persekitaran pendidikan tempatan yang nyata berbeza dengan sistem, persekitaran dan budaya pendidikan di negara maju.

### **Penyataan Masalah**

Sekolah merupakan organisasi utama pendidikan yang bertanggungjawab memperlengkapkan generasi muda untuk menghadapi dunia sekarang dan masa hadapan yang dilihat semakin mencabar, pesat berubah dan saling bergantungan. Justeru, tindakan mengukuhkan sekolah dengan melakukan penambahbaikan terhadap aspek sekolah, guru dan murid dilihat amat penting dilakukan (KPM, 2019; Slater, 2004). Salah satu amalan terkini dalam proses penambahbaikan sekolah ialah amalan KPP yang sekarang sangat aktif dilaksanakan di negara maju (Darling-Hammond et al., 2006). Amalan ini merupakan usaha berterusan yang dilakukan untuk penambahbaikan sekolah dengan penglibatan kerjasama secara kolaboratif komuniti sekolah bagi mencapai dapatan jangka panjang (Hord, 1997).

Kajian-kajian terdahulu berkaitan KPP di negara maju menghasilkan dapatan yang memperlihatkan bahawa amalan ini mampu untuk mengembangkan budaya belajar bertahap tinggi (Hord, 1997; DuFour & Eaker, 1998). Budaya ini boleh memberikan kesan yang kuat terhadap komuniti kerana ia mampu membawa perubahan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan dan kepemimpinan sekolah khususnya yang melibatkan guru-guru belajar secara kolektif dan mengaplikasikannya serta bekerja bersama-sama dalam satu pasukan (Hipp & Huffman, 2003). Selain itu guru-guru juga dapat menjalankan kerjasama secara kolaboratif untuk mencari penyelesaian bagi membantu menambah baik pembelajaran dan pencapaian murid yang akhirnya dapat meningkatkan keberkesan dan penambahbaikan

sekolah (DuFour & Marzano, 2009; Hord & Sommers, 2008; Harris, 2003; Hargreaves, 2003; Eaker et al., 2002; Harris, 2002; Sergiovanni, 2001; Hipp & Huffman, 2000 dan Hord, 1997).

Berkaitan dengan amalan KPP juga, terdapat banyak model yang telah diperkenalkan dan diamalkan oleh sekolah-sekolah di negara maju. Model-model tersebut mempunyai dimensi yang pelbagai mengikut dapatan pengkaji-pengkaji yang membuat kajian terhadapnya (Ontario Principals' Council, 2009; DuFour et al., 2006; Hipp & Huffman, 2003; DuFour & Eaker, 1998; Hord, 1997; Stoll & Louis, 2007). Objektif utama model-model KPP yang dihasilkan itu ialah untuk mengetengahkan salah satu strategi proses penambahbaikan sekolah yang berupaya dilaksanakan secara berterusan. Amalan-amalan yang terdapat dalam KPP ini dilihat dapat mempengaruhi pembelajaran guru dan murid yang memberikan implikasi peningkatan kompetensi guru dan kemenjadian murid. Usaha ini dapat dihasilkan menerusi kewujudan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk semua guru dan murid. Selain itu, sekolah juga disarankan mengamalkan komuniti pembelajaran profesional sebagai salah satu amalan terkini proses penambahbaikan sekolah sebagaimana pelaksanaan amalan tersebut di negara maju (Muhammad Faizal et al., 2013).

Walaupun amalan KPP sudah meluas dilaksanakan di negara maju, namun ia agak kurang dilaksanakan di Malaysia (Zuraidah, 2009). Ini termasuklah asas utama amalan KPP iaitu saranan pembelajaran guru secara kolektif dan pengaplikasian yang dilihat masih kurang diamalkan di banyak sekolah berbanding dengan hanya berkumpul untuk membuat kerja-kerja pengurusan secara formal (Hord & Sommers, 2008) seperti pengurusan kelas, pengurusan pelajar dan hal-ehwal yang berkaitan dengan urusan pengkeranian. Tambahan pula tidak terdapat banyak kajian berkaitan amalan KPP ini di peringkat sekolah (Teo Boon Hwa, 2010). Dalam kalangan warga sekolah pula berlaku beberapa kesilapan dan salah faham untuk memahami konsep amalan komuniti pembelajaran profesional dan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanannya. Antaranya ialah warga sekolah melihat pelaksanaan aktiviti atau amalan KPP hanya melibatkan peringkat bilik darjah sahaja dan tidak melihat dalam konteks yang lebih luas melangkaui luar bilik darjah (DuFour et al., 2004).

Justeru kajian ini dijalankan untuk melihat amalan KPP dalam kalangan guru-guru khususnya berkaitan fungsi Amalan Pembelajaran Secara Kolektif dan Pengaplikasian di sekolah. Ini adalah kerana ciri-ciri dalam amalan ini sangat penting untuk dijadikan asas dalam amalan penambahbaikan sekolah secara berterusan untuk mendapatkan kesan jangka panjang terhadap pencapaian dan kemenjadian murid (Hord & Sommers, 2008).

### **Sorotan Literatur**

KPP merupakan salah satu amalan penambahbaikan sekolah (Fullan, 2001; Hord, 1997; McLaughlin & Talbert, 2001) yang memainkan peranan penting dalam membentuk personal dan keupayaan kolektif guru-guru untuk menghadapi cabaran bagi meningkatkan pencapaian murid (Senge et al., 2000). Ini bermakna pembangunan KPP dilihat dapat mempertingkatkan amalan pengajaran guru dan aktiviti pembelajaran murid yang merupakan amalan asas dalam aktiviti penambahbaikan sekolah (Vescio et al., 2008; Schmoker, 2006). Untuk mencapai tujuan tersebut, sekolah perlu menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif termasuklah persekitaran pembelajaran secara kolektif dan bagaimana untuk mengaplikasikannya dalam kalangan warga sekolah bagi memberi ruang kepada warga sekolah membangunkan profesionalisme mereka supaya nanti perubahan dan penambahbaikan sekolah secara menyeluruh dapat dilaksanakan (Hord, 1997).

Amalan KPP sering dikaitkan dengan usaha pihak sekolah untuk melaksanakan penambahbaikan (Boyd & Hord, 2012) dan melibatkan permuaafakan dalam kalangan ahli sebagaimana kemesraan yang ditunjukkan dalam sebuah keluarga, jiran atau sebarang kumpulan yang memiliki hubungan yang rapat serta cenderung menjadi keluarga dengan niat

yang murni (Sergiovanni, 2000). Dufour et al. (2004) menjelaskan bahawa KPP juga dalam aspek yang lebih luas merujuk kepada persekitaran sekolah yang melibatkan guru-guru bekerja secara kolaboratif dalam sesebuah pasukan yang dibentuk khas untuk menambah baik pencapaian murid. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memilih langkah yang betul dengan memasukkan elemen KPP dalam anjakan ke-sembilan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Kejayaan amalan KPP di negara maju boleh dijadikan penanda aras sejauh manakah kemajuan amalan tersebut telah terlaksana di Malaysia (Muhammad Faizal et al., 2013).

Hord (1997) menggariskan konsep KPP sebagai sebuah sekolah yang menggabungkan penglibatan profesional daripada kalangan para pentadbir dan guru-guru untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan berkongsi amalan pembelajaran secara berterusan demi untuk mempertingkatkan pencapaian murid. Konsep KPP yang diberikan oleh Hord (1997) tersebut adalah selari seperti yang dikemukakan oleh Fleming (2002) yang mengatakan bahawa KPP merupakan aktiviti bersama yang melibatkan pentadbir sekolah dan guru-guru dalam mengumpulkan maklumat, membuat keputusan dan melaksanakan keputusan tersebut yang akhirnya mempunyai matlamat untuk mempertingkatkan pencapaian murid. Dengan kata lain ia menampakkan wujud elemen pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasian dalam kalangan guru-guru dan warga sekolah. Konsep kerjasama yang dirangkumkan dalam KPP dengan matlamat akhir untuk meningkatkan pencapaian murid ini juga dipersetujui oleh Pancucci (2008) dan Eaker et al. (2002). Mereka menjelaskan bahawa KPP telah memperlihatkan peningkatan personal dan interpersonal guru serta kapasiti organisasi khususnya melibatkan komitmen kepada pembangunan profesional yang akhirnya menjurus kepada pencapaian murid.

DuFour (2004) menjelaskan terdapat tiga idea utama KPP yang perlu dijadikan refleksi bagi setiap pentadbir dan guru jika ingin melihat konsep asas KPP berjaya. Antaranya ialah: (i) Memastikan murid belajar iaitu memberikan penumpuan kepada pembelajaran murid berbanding pengajaran guru, (ii) Budaya kolaboratif iaitu guru-guru bersedia untuk bekerja secara berpasukan dengan satu matlamat yang sama dalam pendidikan dan (iii) Tumpuan kepada hasilan iaitu bertanggungjawab untuk meningkatkan hasil khususnya pencapaian murid. Fullan (2002) telah menjelaskan bahawa untuk menterjemahkan idea pertama KPP iaitu memastikan murid belajar, guru mestilah diberikan latihan dan pendedahan secukupnya agar mengutamakan pembelajaran murid berbanding pengajaran guru dalam setiap aspek. Ruang dan peluang yang adil dan saksama perlu diberikan kepada setiap murid untuk belajar kerana mereka mempunyai hak yang sama untuk mendapatkan ilmu pengetahuan sesuai dengan slogan “Pembelajaran Untuk Semua” sebagaimana yang sering dilaungkan oleh setiap sekolah. Sekolah yang melaksanakan KPP akan dapat mengenal pasti perbezaan-perbezaan yang ada pada murid-muridnya dan akan segera mengatasi masalah yang wujud antara murid-murid khususnya yang berkaitan dengan murid-murid yang mempunyai kepelbagaian tahap kecerdasan. Tujuannya ialah supaya murid-murid yang mempunyai pelbagai tahap kecerdasan ini dapat diluangkan waktu tambahan atau diberikan bimbingan yang berasingan sehingga mereka dapat menguasai apa yang mereka pelajari (Marzano, 2003).

KPP tidak boleh dipisahkan dengan budaya pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasian dalam kalangan guru-guru dan warga sekolah. Boyd dan Hord (2012) menyarankan agar guru-guru tidak bekerja secara berasingan, menyelesaikan tugasan yang berkaitan tugas hakiki mereka sahaja tanpa bersama-sama secara kolektif berusaha untuk mencapai kejayaan urid-murid dan kualiti sekolah. Pihak sekolah khususnya pemimpin *Senior Leader Team (SLT)* khususnya pengetua mestilah menggalakkan guru menjalankan kerjasama dalam perancangan atau tindakan dan setiap program serta aktiviti yang dibentuk mestilah dilaksanakan secara berpasukan, bukan secara individu atau berasingan. Inilah persekitaran

yang wujud bagi sesebuah sekolah yang mengamalkan KPP iaitu terbentuknya kerjasama secara kolektif yang mantap merangkumi suatu proses yang sistematik melibatkan guru-guru bekerja dalam satu pasukan bagi menganalisis dan melakukan penambahbaikan dalam bilik darjah (McLaughlin & Talbert, 2001). Implikasi daripada usaha tersebut akan menghasilkan peningkatan dalam pencapaian murid yang merupakan matlamat akhir bagi amalan penambahbaikan sesebuah sekolah atau dengan kata lain untuk mencapai hasrat dan kepentingan bagi kejayaan murid-murid (Fullan, 2001; DuFour, 2004).

DuFour et al (2004) berpendapat ada enam faktor yang berupaya meningkatkan keberkesanan KPP. Faktor-faktor yang dimaksudkan ialah:

**(a) Perkongsian misi, visi, nilai dan matlamat**

Guru yang menghayati visi dan misi KPP akan menjadikan aktiviti pembelajaran sebagai visi utama kerjaya mereka. Usaha pembelajaran tersebut tertumpu kepada tiga perkara pokok iaitu (i) Apa yang guru kehendaki murid belajar, (ii) Bagaimanakah caranya guru mengetahui murid telah memperoleh ilmu dan kemahiran yang dikehendaki, dan (iii) Bagaimanakah cara bertindak terhadap permasalahan murid agar pihak guru berupaya melakukan penambahbaikan terhadap tahap pembelajaran mereka.

**(b) Pasukan secara kolaboratif**

Asas kejayaan KPP adalah aktiviti yang dilaksanakan secara kolaboratif dalam kalangan warga sekolah untuk mencapai visi KPP yang ditetapkan adalah menerusi usaha yang dilaksanakan secara kolaboratif, kapasiti warga sekolah berupaya ditingkatkan berbanding usaha yang dijalankan secara perseorangan.

**(c) Pelaksanaan inkuiri secara kolektif**

Sesebuah pasukan KPP dibentuk untuk menilai keberkesanan sesuatu amalan bagi mengenal pasti pencapaian yang diharapkan. Justeru, aktiviti inkuiri dilaksanakan dengan melibatkan aktiviti berikut iaitu: (i) Menilai sesuatu amalan, (ii) Mengenal pasti kaedah kajian yang bersesuaian, (iii) Menguji kaedah kajian tersebut, dan (iv) Menafsirkan penemuan kajian.

**(d) Berorientasikan tindakan dan penyelesaian**

Warga sekolah yang mengamalkan KPP dituntut untuk menjadikan teori atau pandangan yang dimiliki menjadi realiti. Dengan kata lain, segala pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh guru menerusi pembelajaran dan aktiviti inkuiri, perlu diamalkan untuk manfaat murid-murid. Di samping itu juga, amalan baru yang dilaksanakan seharusnya lebih baik berbanding amalan terdahulu. Alasan tersebut bertujuan untuk menggalakkan warga sekolah memperoleh pengalaman baru bagi meningkatkan kesedaran, seterusnya mengubah sikap dan kepercayaan untuk membentuk sebuah budaya bagi sekolah mereka.

**(e) Proses penambahbaikan secara berterusan**

Untuk mencapai hasrat ini, pihak sekolah perlu memiliki perancangan yang strategik dan berupaya menjawab soalan-soalan berikut iaitu: (i) Apakah matlamat asas mengenai KPP, (ii) Apa yang diharapkan daripada KPP, (iii) Apakah perancangan strategik yang perlu untuk memperoleh hasilan yang baik, dan (iv) Apakah ciri-ciri kejayaan dalam melaksanakan proses penambahbaikan.

**(f) Berorientasikan hasilan**

Kesemua faktor penyumbang kepada keberkesanan KPP seperti yang disebutkan di atas perlu dijelmakan dalam bentuk hasilan. Justeru, pemimpin sekolah perlu menyedarkan warga

sekolah mengenai kepentingan KPP terhadap hasilannya agar mereka berupaya mengenal pasti kekuatan dan kekurangan yang dimiliki. Selanjutnya, data dan maklumat tersebut menggalakkan pihak sekolah untuk melaksanakan aktiviti inkuiiri dan pembelajaran secara berterusan.

Kesimpulannya dapatlah dirumuskan bahawa amalan KPP merupakan amalan penambahbaikan sekolah yang perlu dilaksanakan oleh guru-guru dan warga sekolah untuk mencapai kesan dapatan jangka panjang khususnya berkaitan kemenjadian murid dan peningkatan kualiti sekolah. Terdapat banyak aspek yang harus diberikan penekanan dan dijadikan amalan oleh guru-guru dan warga sekolah sebagaimana yang disenaraikan dalam Model KPP. Salah satu fungsi yang dapat dijadikan rujukan kejayaan dalam melaksanakan KPP di sekolah ialah amalan pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasian yang wujud dalam kalangan guru-guru dan warga sekolah. Pihak sekolah khususnya pengetua sebagai SLT yang terlibat sebagai pemimpin utama di sekolah wajar menyediakan iklim dan suasana yang sepatutnya di sekolah bagi menggalakkan guru menjalankan kerjasama secara kolektif dalam setiap program serta aktiviti yang dilaksanakan serta mengutamakan perkongsian secara berpasukan dan bukan secara individu atau berasingan.


### **Tujuan dan Objektif Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat amalan terhadap ciri-ciri KPP yang terdapat dalam fungsi Amalan Pembelajaran Secara Kolektif dan Pengaplikasian berdasarkan Model KPP yang dihasilkan oleh Olivier dan Hipp (2010) di sebuah sekolah menengah di negeri Terengganu berdasarkan perspektif seorang pengetua cemerlang. Antara objektif yang digariskan dalam kajian ini ialah:

- (1) Adakah guru-guru di sekolah kajian mengamalkan ciri-ciri yang terdapat Amalan Pembelajaran Secara Kolektif dan Pengaplikasian sebagaimana yang disenaraikan dalam Model KPP oleh Olivier dan Hipp (2010).
- (2) Adakah terdapat ciri-ciri lain yang diamalkan oleh guru-guru di sekolah kajian selain daripada yang disenaraikan dalam Model KPP oleh Olivier dan Hipp (2010)

### **Kerangka Kajian**

Kajian ini adalah berdasarkan Model KPP yang dihasilkan oleh Olivier dan Hipp (2010). Terdapat lima fungsi utama KPP dalam model tersebut iaitu: (a) Amalan kepemimpinan berkongsi dan menyokong, (b) Perkongsian nilai dan visi, (c) Amalan pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasian, (d) Keadaan yang menyokong secara perhubungan dan struktur, dan (e) Perkongsian amalan personal. Berdasarkan Model KPP yang dihasilkan ini, kajian ini memberi fokus kepada salah satu fungsi yang terdapat dalam model tersebut iaitu fungsi Amalan Pembelajaran Secara Kolektif dan Pengaplikasian. Fungsi ini telah dipilih sebagai fokus kajian kerana ciri-ciri dalam amalan ini sangat penting untuk dijadikan asas dalam amalan penambahbaikan sekolah secara berterusan untuk mendapatkan kesan jangka panjang terhadap pencapaian dan kemenjadian murid (Hord & Sommers, 2008).



Rajah 1: Kerangka kajian

Sumber: Adaptasi daripada Olivier dan Hipp (2010). *Assessing and analyzing schools as professional learning communities.*

Bagi tujuan kajian ini, penulis telah mencerakinkan fungsi ini kepada dua bahagian iaitu: (a) Amalan Pembelajaran secara kolektif, dan (b) Amalan pembelajaran secara pengaplikasian. Senarai item bagi kedua-dua fungsi tersebut dapat digambarkan seperti jadual di bawah. Ciri-ciri yang disenaraikan tersebut diperoleh daripada senarai semak yang terdapat dalam Model KPP yang dihasilkan oleh Olivier dan Hipp (2010) yang menjadi rujukan dalam kajian ini. Ciri-ciri ini digunakan untuk semakan sama ada ia diamalkan di sekolah oleh guru-guru atau adakah terdapat ciri amalan lain yang turut juga diamalkan dalam usaha penambahbaikan sekolah secara berterusan untuk mendapatkan kesan dapatan jangka panjang terhadap pencapaian dan kemenjadian murid.

Jadual 1

*Fungsi Amalan Pembelajaran Secara Kolektif*

---

Amalan Pembelajaran Secara Kolektif

---

Guru-guru bekerjasama meningkatkan pengetahuan bagi menambah kemahiran PdP.

Kejelekten dalam kalangan guru mencerminkan komitmen mereka terhadap usaha penambahbaikan sekolah.

Guru-guru bekerjasama merancang menyelesaikan masalah bagi memenuhi keperluan Pembelajaran secara kolektif dilaksanakan melalui perbincangan terbuka.

Guru-guru secara kolaboratif menganalisis pelbagai sumber data untuk mencapai keberkesanan dalam amalan pengajaran.

Guru-guru secara kolaboratif menganalisis pencapaian pelajar bagi mempertingkatkan kemahiran PdP.

---

Berdasarkan jadual 1 seperti di atas, item-item yang terdapat dalam fungsi amalan pembelajaran secara kolektif dapat dibahagikan kepada enam ciri iaitu: (1) *Guru-guru bekerjasama meningkatkan pengetahuan bagi menambah kemahiran PdP*, (2) *Kejelekten dalam kalangan guru mencerminkan komitmen mereka terhadap usaha penambahbaikan sekolah*, (3) *Guru-guru bekerjasama merancang menyelesaikan masalah bagi memenuhi keperluan murid*, (4) *Pembelajaran secara kolektif dilaksanakan melalui perbincangan terbuka*, (5) *Guru-guru secara kolaboratif menganalisis pelbagai sumber data untuk mencapai keberkesanan dalam amalan pengajaran*, dan (6) *Guru-guru secara kolaboratif menganalisis pencapaian pelajar bagi mempertingkatkan kemahiran PdP*.

Seterusnya jadual 2 di bawah pula menunjukkan item-item yang terdapat dalam fungsi amalan pembelajaran secara pengaplikasian.

Jadual 2

*Fungsi Amalan Pembelajaran Secara Pengaplikasian*

---

Amalan Pembelajaran Secara Pengaplikasian

---

Guru-guru bekerjasama mencuba pelbagai strategi PdP untuk diaplikasikan dalam tugasannya mereka.

Guru-guru terlibat dalam perbincangan yang mencetuskan kepelbagaiannya idea bagi menggalakkan penerokaan selanjutnya.

Latihan Perkembangan Staf adalah lebih berfokus kepada meningkatkan pengetahuan bagi menambahkan kemahiran PdP.

Guru-guru bekerjasama dengan PIBG dalam mengaplikasikan pengetahuan baru untuk menyelesaikan masalah.

Guru-guru komited terhadap program yang boleh menyuburkan pembelajaran.

---

Berdasarkan jadual 2, item-item yang terdapat dalam fungsi Amalan Pembelajaran Secara Pengaplikasian dapat dibahagikan kepada lima ciri iaitu: (1) *Guru-guru bekerjasama mencuba pelbagai strategi PdP untuk diaplikasikan dalam tugasannya mereka*, (2) *Guru-guru terlibat dalam perbincangan yang mencetuskan kepelbagaiannya idea bagi menggalakkan penerokaan selanjutnya*, (3) *Latihan Perkembangan Staf adalah lebih berfokus kepada meningkatkan pengetahuan bagi menambahkan kemahiran PdP*, (4) *Guru-guru bekerjasama dengan PIBG dalam mengaplikasikan pengetahuan baru untuk menyelesaikan masalah*, dan (5) *Guru-guru komited terhadap program yang boleh menyuburkan pembelajaran*.

Merujuk kepada ciri-ciri yang disenaraikan seperti dalam jadual 1 dan jadual 2, kajian ini dijalankan bagi melihat adakah amalan terhadap ciri-ciri KPP seperti yang terdapat dalam fungsi amalan pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasian berdasarkan Model KPP yang dihasilkan Olivier dan Hipp (2010) dilaksanakan atau diamalkan di sekolah kajian atau adakah terdapat ciri-ciri lain yang diamalkan oleh guru-guru di sekolah kajian yang boleh dijadikan rujukan dan boleh dikongsi bersama sebagai penambahbaikan terdapat ciri-ciri yang sedia ada.

## Kaedah Kajian

### Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berdasarkan kaedah kualitatif menggunakan teknik temu bual. Mengikut Robson (2002), temu bual merupakan salah satu teknik pengumpulan data yang melibatkan aktiviti penulis menyoal responden untuk mendapatkan jawapan-jawapan yang diperlukan. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Minichiello et al. (1990) dalam Punch (2001), teknik temu bual bagi kajian berbentuk kualitatif dapat dibahagikan kepada tiga jenis iaitu: (a) Temu bual berstruktur, (b) Temu bual separa berstruktur, dan (c) Temu bual tidak berstruktur. Bagi kajian ini teknik temu bual yang dijalankan ialah jenis separa berstruktur yang memberikan kebebasan kepada penulis untuk bertanyakan soalan tanpa perlu terikat dengan soalan-soalan asas yang disediakan dalam protokol temu bual. Soalan-soalan yang disediakan hanyalah sebagai panduan kepada penulis supaya sesi temu bual yang dijalankan nanti tidak lari daripada objektif kajian yang ingin dicapai. Protokol temu bual disediakan berdasarkan ciri-ciri yang terdapat dalam senarai semak yang disediakan oleh Olivier dan Hipp (2010). Protokol yang dihasilkan ini telah disemak terlebih dahulu bersama pakar pendidikan yang dirujuk dari institut pengajian tinggi awam (IPTA) yang dipilih berdasarkan kepakaran yang dimiliki dalam bidang pengurusan, perancangan dan dasar pendidikan serta kepemimpinan sekolah. Semakan ini dilakukan bertujuan untuk memastikan bahawa soalan-soalan yang disediakan untuk ditanyakan kepada responden adalah bertepatan dengan KPP dan fungsi amalan pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasian supaya nanti dapat memenuhi objektif yang digariskan.

### Pensampelan

Responden kajian yang dipilih adalah berdasarkan teknik pensampelan bertujuan. Melalui teknik ini, responden yang dipilih untuk ditemu bual adalah seorang pengetua cemerlang di sebuah sekolah di negeri Terengganu. Pemilihan seorang pengetua cemerlang ini adalah berdasarkan pandangan Airasian dan Gay (2003) yang mengatakan jumlah responden temu bual boleh dalam bilangan ganjil sama ada seorang, tiga orang, lima orang dan seterusnya bergantung keperluan kajian dan pada kemampuan responden tersebut memberikan maklum balas yang diperlukan. Dalam kajian ini hanya seorang sahaja pengetua cemerlang sudah pun memadai dan dapat memberikan maklumat yang diperlukan berdasarkan pengalaman dan kepakaran yang dimiliki. Pemilihan ini adalah berdasarkan kepentingan dan kemampuan responden tersebut yang dilihat sebagai dapat memberikan maklumat-maklumat yang dikehendaki oleh penulis berdasarkan penghususan, pengalaman, kepakaran, pencapaian dan pengiktirafan yang diterima sepanjang perkhidmatan dalam bidang pendidikan. Ini termasuklah dalam hal ehwal yang berkaitan dengan aspek pengajaran, perancangan, pentadbiran, kepemimpinan, dan pengurusan sekolah.

Pemilihan responden kajian adalah berdasarkan pandangan Airasian dan Gay (2003) yang mengatakan pemilihan peserta temu bual adalah bergantung kepada kemampuan responden tersebut memberi maklumat-maklumat yang diperlukan dalam kajian yang dijalankan. Tujuannya supaya responden dapat berkongsi maklumat berkaitan yang diperlukan


dan boleh memberi input-input yang dikehendaki dalam kajian. Pengetua cemerlang yang dipilih sebagai responden temu bual adalah berdasarkan cadangan daripada Majlis Pengetua Sekolah-sekolah Malaysia (MPSM). Penulis juga ada menghubungi Yang Dipertua MPSM peringkat negeri Terengganu untuk mendapatkan nasihat, pandangan dan cadangan pengetua cemerlang yang sesuai untuk sesi temu bual yang akan dijalankan.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen Kajian yang digunakan adalah protokol temu bual yang dibentuk berdasarkan senarai semak yang terdapat dalam Model KPP yang dihasilkan Olivier dan Hipp (2010). Protokol tersebut akan dijadikan panduan oleh penulis semasa sesi temu bual diadakan bersama Pengetua Cemerlang. Semasa temu bual dijalankan, penulis akan bertanyakan soalan berkisar kepada soalan-soalan utama yang disenaraikan (Airasian & Gay, 2003), namun dalam masa sama, soalan-soalan sampingan yang bertujuan untuk mendapat penjelasan dan huraian lanjut daripada responden akan dikemukakan oleh penulis. Instrumen ini telah diperoleh daripada sumber utama dengan mendapat keizinan daripada pemiliknya iaitu Dianne (2010) menerusi email yang dihantarkan kepadanya. Walaupun instrumen ini dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris, namun penterjemahan semula telah dilakukan terhadap soal selidik tersebut melalui proses pemurnian instrumen menerusi kaedah “*back translation*” dengan merujuk kepada tiga orang pakar bahasa dan seorang pakar bidang. Tujuannya bagi memastikan instrumen yang dirujuk tersebut adalah tepat seperti yang dikeluarkan dalam bahasa asalnya (Ishak, 2004).

### **Prosedur Kutipan dan Analisis Data**


Kajian ini melibatkan tiga peringkat prosedur kutipan data berdasarkan adaptasi kerangka kajian daripada Model ADDIE (Molenda, 2003). Sebagaimana Rajah 1 di bawah, tiga peringkat yang dimaksudkan tersebut ialah: (1) Peringkat analisis, (2) Peringkat reka bentuk, dan (3) Peringkat penilaian. Dalam prosedur pertama iaitu peringkat analisis, telah dikenal pasti isu yang ada dan jurang yang perlu dipenuhi berkenaan KPP sehingga mendorong kajian ini dijalankan. Bagi memenuhi peringkat analisis ini, tinjauan literatur telah dijalankan terhadap dapatan kajian-kajian lepas termasuk juga instrumen-instrumen yang pernah digunakan berkaitan kajian KPP. Daripada analisis ini maka timbul keperluan untuk menjalankan kajian iaitu untuk melihat adakah guru-guru mengamalkan ciri-ciri yang terdapat Amalan Pembelajaran Secara Kolektif dan Pengaplikasian sebagaimana yang disenaraikan dalam Model KPP oleh Olivier dan Hipp (2010) dan adakah terdapat ciri-ciri lain yang diamalkan oleh guru-guru di sekolah kajian selain daripada yang disenaraikan.



Rajah 1. Prosedur pelaksanaan kajian berdasarkan adaptasi daripada Model ADDIE (Molenda, 2003)

Seterusnya dalam prosedur kedua iaitu peringkat reka bentuk, temu bual dijalankan bagi melihat sejauh manakah guru-guru di sekolah kajian mengamalkan ciri-ciri yang terdapat dalam fungsi Amalan Pembelajaran Secara Kolektif dan Pengaplikasian. Selain itu dalam sesi temu bual yang dijalankan juga turut diperoleh maklumat berkenaan ciri-ciri lain dalam fungsi Amalan Pembelajaran Secara Kolektif dan Pengaplikasian yang turut serta diamalkan di sekolah. Teknik temu bual yang dijalankan dalam prosedur kedua ini telah dijayakan bersama responden kajian yang dipilih iaitu pengetua cemerlang yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang pendidikan, pengajaran dan pengurusan di peringkat sekolah. Selain ini pemerhatian juga dibuat terhadap persekitaran sekolah khususnya bagaimana guru-guru berinteraksi sesama mereka serta bersama murid-murid. Beberapa dokumen yang berkaitan juga dilihat seperti gambar-gambar program, kertas kerja, dan *pamphlet / brochure* yang dapat menjelaskan atau menyokong dapatan temu bual bersama pengetua.

Seterusnya dalam prosedur kedua ini juga dijalankan analisis ATLAS.ti terhadap data yang diperoleh daripada temu bual. Analisis data temu bual dijalankan berdasarkan beberapa peringkat seperti Rajah 2 di bawah. Pengumpulan data temu bual dijalankan dalam langkah pertama iaitu semasa sesi temu bual separa berstruktur dijalankan di lapangan pengetua cemerlang. Kemudiannya data temu bual dalam bentuk rakaman audio tersebut perlu ditukarkan kepada bentuk teks dalam langkah kedua iaitu transkripsi data. Seterusnya transkripsi data yang sudah siap tersebut disemak semula bersama responden kajian iaitu pengetua cemerlang dalam langkah ketiga. Penyemakan ini penting bagi menjelaskan sebarang kekaburan maksud atau salah faham yang mungkin timbul semasa sesi temu bual dijalankan sebelum ini. Seterusnya keseluruhan teks di baca lagi untuk mengenal pasti persamaan ataupun perbezaan pernyataan yang terdapat dalam teks. Menurut Airasian dan Gay (2003), teks transkripsi data temu bual perlu dibaca berulang kali untuk memberi kefahaman dalam menentukan konteks, peristiwa dan juga personal yang terlibat. Dalam langkah seterusnya dapatan kajian dikategorikan mengikut tema atau ciri-ciri sedia ada. Langkah yang seterusnya ialah membuat pentafsiran terhadap analisis yang dihasilkan dan menyediakan laporan berkaitan bagi memenuhi soalan kajian atau objektif yang hendak dicapai.



Rajah 2. Langkah yang dijalankan dalam analisis ATLAS.ti

Berikutnya dalam peringkat ketiga iaitu penilaian, dilakukan pula semakan terhadap ciri-ciri yang dihasilkan berdasarkan dua proses yang telah dilalui sebelum ini iaitu peringkat analisis dan peringkat reka bentuk. Semakan ini dilakukan bersama seorang orang pakar dari institut pengajian tinggi awam (IPTA) yang dipilih berdasarkan kepakaran yang dimiliki dalam bidang pengurusan, perancangan dan dasar pendidikan serta kepemimpinan sekolah. Tujuan dilakukan semakan ini adalah untuk mengesahkan ciri-ciri KPP yang telah diperoleh iaitu bagi fungsi amalan pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasian.

### Dapatkan Kajian

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, fungsi amalan pembelajaran telah dipecahkan kepada dua bahagian dan diperincikan seperti berikut:

#### Amalan Pembelajaran Secara Kolektif

Jadual 3 seperti di bawah menunjukkan amalan pembelajaran secara kolektif yang dilaksanakan di sekolah hasil temu bual bersama pengetua cemerlang di sekolah kajian dan pengesahan semakan oleh pakar.

## Jadual 3

*Dapatan kajian bagi Fungsi Amalan Pembelajaran Secara Kolektif*

Amalan Pembelajaran Secara Kolektif	Temu bual Pengetua Cemerlang	Semakan Pakar
Guru-guru bekerjasama meningkatkan pengetahuan bagi menambah kemahiran PdP.	√	√
Kejelekten dalam kalangan guru mencerminkan komitmen mereka terhadap usaha penambahbaikan sekolah.	√	√
Guru-guru bekerjasama merancang menyelesaikan masalah bagi memenuhi keperluan murid.	√	√
Pembelajaran secara kolektif dilaksanakan melalui perbincangan terbuka.	√	√
Guru-guru secara kolaboratif menganalisis pelbagai sumber data untuk mencapai keberkesanan dalam amalan pengajaran.	√	√
Guru-guru secara kolaboratif menganalisis pencapaian pelajar bagi mempertingkatkan kemahiran PdP.	√	√
Guru-guru dilibatkan secara aktif dalam kursus-kursus yang penting khususnya berkaitan PdP.	√	√

Dapatan menunjukkan enam amalan pembelajaran secara kolektif diamalkan sebagaimana yang terdapat dalam senarai semak soal selidik asal *Professional Learning Communities Assessment – Revised (PLCA-R)* yang diperkenalkan oleh Olivier dan Hipp (2010). Selain enam amalan tersebut, terdapat satu amalan tambahan yang dicadangkan oleh pengetua cemerlang yang perlu ada dan dilaksanakan dalam amalan pembelajaran secara kolektif di sekolah. Amalan tersebut ialah iaitu “*Guru-guru dilibatkan secara aktif dalam kursus-kursus yang penting khususnya berkaitan PdP*”. Amalan ini tidak terdapat dalam senarai semak soal selidik asal *Professional Learning Communities Assessment – Revised (PLCA-R)*, namun atas cadangan yang diperoleh daripada temu bual bersama pengetua cemerlang dan pengesahan semakan oleh pakar yang dirujuk maka amalan ini diterima sebagai amalan bersama yang membentuk fungsi pembelajaran secara kolektif dan diamalkan oleh guru-guru di sekolah kajian.

Temu bual yang dijalankan menunjukkan pengetua bersetuju bahawa amalan pembelajaran secara kolektif dilaksanakan di sekolah. Guru-guru berjaya membina hubungan yang baik sesama mereka dan secara kolektif bekerjasama dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran PdP. Perbincangan yang diadakan antara guru-guru dan analisis pelbagai sumber data termasuk penglibatan dalam kursus-kursus berkaitan PdP dapat meningkatkan keberkesanan dalam amalan pengajaran.

Daripada temu bual yang dijalankan pengetua menjelaskan,

“*Guru akan berkongsi, bentangkan kepada yang lain. Kerjasama guru dalam tingkatkan kemahiran. Jadi kita boleh lihat komitmen guru-guru...*”

Kerjasama dan perbincangan yang dilakukan oleh guru-guru biasanya dalam bentuk kumpulan atau semasa program peningkatan diri yang dikenali sebagai program Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP). Melalui program ini guru-guru akan membincangkan pelbagai

perkara berkaitan pengetahuan dan kemahiran PdP serta penyelesaian masalah bagi memenuhi keperluan murid. Sebagaimana yang dijelaskan oleh pengetua,

*“Masa diperuntukkan dalam aktiviti LADAP. Masing-masing ada buat untuk tingkatkan subjek masing-masing. Perbincangan, perkongsian... kursus atau LADAP yang dibuat dihadiri oleh guru-guru. Jadi mereka akan laksanakan dalam kelas pengajaran mereka...”*

Pengetua juga menambah bagaimana guru-guru bekerjasama secara kolektif dalam menyelesaikan masalah yang tidak menunjukkan kecemerlangan dalam keputusan pelajar. Secara tidak langsung menunjukkan wujudnya kesepakatan antara guru-guru,

*“Jadi ada kadang kala kita ada mengadakan kursus latihan dalam terutama untuk yang kritikal subjek. Guru akan berkongsi bentangan pada yang lain. Kerjasama guru dalam tingkatkan kemahiran. jadi kita boleh lihat komitmen guru-guru. kerjasama mereka untuk sekolah dan pelajar....”*

Kebiasaannya setiap kursus atau pengisian yang hendak diadakan dalam program LADAP, terlebih dahulu akan ditanya kepada guru-guru apakah bentuk program atau kandungan yang diperlukan. Ini adalah kerana setiap guru memerlukan pengisian yang berbeza mengikut tahap dan kompetensi masing-masing. Perkara ini turut dijelaskan oleh pengetua,

*“...kalau ada kursus ataupun benda kita akan hantar dia pergi kursus. Dalam mesyuarat bersama pengetua-pengetua misalnya, kita akan (nyatakan) dalam mesyuarat itu cikgu sekolah kita seperti beberapa orang cikgu ini... perlu kursus untuk pelaksanaan dalam P&P mereka. Jadi ada kita mengadakan kursus latihan dalam untuk yang kritikal...”*

Selain kerjasama dan perbincangan yang dilakukan untuk menambahkan pengetahuan dan kemahiran PdP, guru-guru juga disarankan menganalisis pelbagai sumber data untuk mencapai keberkesanan dalam amalan pengajaran mereka. Antara penekanan yang selalu diberikan ialah menganalisis data-data pencapaian pelajar seperti keputusan ujian dan peperiksaan. Pengetua menjelaskan,

*“...itu yang saya katakan bila kita bekerja... data untuk lebih fokus, sebagai pengetua kita kena cari evidence, kita nak convince guru-guru, nak convince pengurusan kena ada evidence. Jadi dia tak boleh kata (bantah)... dengan data kita ada dan kita tak reka data tu. Maksudnya data tu dapat dari analisis peperiksaan dan sebagainya”*

Pengetua juga menambah,

*“...lagi satu cikgu kena mahir dengan content, kena ada content knowledge, maksudnya dia kena cari maklumat dari semasa ke semasa dan tidak hanya berharap pada buku teks. Perbincangan bersama rakan-rakan guru, belajar cara atau pendekatan baru P&P...”*

Sementara itu pengetua juga menjelaskan,

*“...tengok pada peperiksaan akhir tahun semasa pelajar ini di tingkatan 2 misalnya kan..., tengok TOV dia, analisis satu-satu, masa tingkatan 1, potensi diri... maksudnya kumpulan keupayaan yang kita ada. So saya bagi justifikasi pada dia (guru-guru), kalau kita target 30 orang straight A, inilah langkah-langkah yang kita kena ambil...”*

Daripada dapatan di atas boleh dirumuskan bahawa amalan pembelajaran secara kolektif dilaksanakan di sekolah. Menurut penjelasan temu bual bersama pengetua cemerlang, guru-guru digalakkan membina hubungan baik sesama mereka dan bekerjasama secara kolektif dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran PdP. Selain itu perbincangan terbuka, analisis pelbagai sumber dan penglibatan dalam kursus-kursus berkaitan PdP juga diwujudkan bagi meningkatkan keberkesanan dalam amalan pengajaran guru-guru.

### **Amalan Pembelajaran Secara Pengaplikasian**

Temu bual yang dijalankan juga mengesahkan bahawa amalan pembelajaran secara pengaplikasian turut dilaksanakan di sekolah sebagaimana yang dijelaskan oleh pengetua. Jadual 4 seperti di bawah menunjukkan amalan pembelajaran secara pengaplikasian yang dilaksanakan dan cadangan hasil temu bual bersama pengetua cemerlang di sekolah kajian dan pengesahan semakan oleh pakar.

Jadual 4

*Dapatkan kajian bagi Fungsi Amalan Pembelajaran Secara Pengaplikasian*

Amalan Pembelajaran Secara Pengaplikasian	Temu Bual Pengetua Cemerlang	Semakan Pakar
Guru-guru bekerjasama mencuba pelbagai strategi PdP untuk diaplikasikan dalam tugas mereka.	√	√
Guru-guru terlibat dalam perbincangan yang mencetuskan kepelbagaiannya idea bagi menggalakkan penerokaan selanjutnya.	√	√
Latihan Perkembangan Staf adalah lebih berfokus kepada meningkatkan pengetahuan bagi menambahkan kemahiran PdP.	√	√
Guru-guru bekerjasama dengan PIBG dalam mengaplikasikan pengetahuan baru untuk menyelesaikan masalah.		√
Guru-guru komited terhadap program yang boleh menyuburkan pembelajaran.	√	√
<i>Guru-guru yang menghadiri kursus mengadakan latihan dalam supaya dapat berkongsi pengetahuan PdP dengan</i>	√	√
<i>Guru-guru yang menghadiri kursus digalakkan mengaplikasikan kemahiran yang diperoleh dalam PdP mereka.</i>	√	√

Jadual 4 di atas menunjukkan lima amalan pembelajaran secara pengaplikasian sebagaimana yang disenaraikan oleh Olivier, Hipp dan Huffman (2010) turut dilaksanakan di sekolah. Selain daripada lima amalan seperti yang disenaraikan di atas, terdapat dua amalan tambahan dalam fungsi ini turut dilaksanakan sebagaimana yang dicadangkan oleh pengetua cemerlang. Dua amalan yang dimaksudkan ialah “*Guru-guru yang menghadiri kursus*

*mengadakan latihan dalaman supaya dapat berkongsi pengetahuan PdP dengan rakan sekerja” dan “Guru-guru yang menghadiri kursus digalakkan mengaplikasikan kemahiran yang diperoleh dalam PdP mereka”.*

Kedua-dua amalan ini tidak terdapat dalam senarai semak seperti yang terdapat dalam Model KPP oleh Olivier, Hipp dan Huffman (2010), namun atas cadangan yang diperoleh dalam temu bual bersama pengetua cemerlang dan pengesahan semakan oleh pakar yang dirujuk, maka amalan ini diterima sebagai amalan bersama yang membentuk fungsi pembelajaran secara pengaplikasian.

Temu bual yang dijalankan menunjukkan bahawa pengetua bersetuju adanya pelbagai cara digunakan oleh guru-guru untuk mencuba pelbagai strategi dalam proses PdP sehari-hari. Selain itu kerjasama antara guru juga diwujudkan seperti dalam latihan perkembangan staf untuk meningkatkan pengetahuan bagi menambahkan kemahiran pengajaran. Guru-guru juga komited terhadap program-program yang dilaksanakan di sekolah untuk menyuburkan pembelajaran murid. Malah bagi guru-guru yang menghadiri kursus atau input-input baru dari dalam ataupun luar sekolah, disarankan untuk berkongsi dengan guru-guru lain malah digalakkan untuk mengaplikasikan kemahiran-kemahiran yang diperoleh tersebut dalam PdP mereka.

Pengetua mengatakan kerjasama dan perbincangan diadakan dalam kalangan guru-guru terutamanya semasa dalam program latihan dalam perkhidmatan atau LADAP,

*“Kita selalu adakan latihan dalam perkhidmatan iaitu yang pertama kita buat untuk semua (guru). Yang kedua ikut panitia dia... ikut keperluan kemahiran PdP”*

Pengetua juga menjelaskan program latihan perkembangan staf turut dilaksanakan dengan lebih berfokus khususnya dalam usaha untuk mempertingkatkan pengetahuan atau bagi menambah kemahiran PdP. Biasanya ada masa-masa tertentu dijalankan program ini. Fokus perbincangan dan perkongsian adalah mengikut keperluan atau subjek. Guru-guru dapat aplikasikan kemahiran yang diperoleh semasa sesi atau program ini dijalankan dan wujud pembelajaran bersama guru-guru dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan,

*“bagi guru-guru yang kita ada program LADAP, kita hari Ahad perhimpunan kita sampai pukul 9.00 pagi, jadi kita bagi guru panitia yang nak buat LADAP tu dia boleh ambil masa ini selama satu jam atau satu jam lebih. Pukul 7.40 pagi dia start dan boleh habis pukul 9.00 pagi. Dia panggil group dia lah... misalnya hari ni nak bincangkan berkait dengan panitia Pendidikan Islam, nak bincang apa-apa berkaitan guru-guru yang pergi kursus atau sebagainya, jadi segala pendedahan dia boleh guna masa itu... ”*

Perkara seterusnya yang ditekankan oleh pengetua ialah berkenaan input-input baru yang diperlukan oleh guru-guru melalui kursus-kursus yang dihadiri oleh mereka terutama berkaitan dengan subjek yang perlu diberikan penekanan,

*“kita ada mengadakan kursus latihan dalaman terutama untuk subjek kritikal... guru akan berkongsi bentangkan kepada yang lain. Kerjasama guru dalam tingkatkan kemahiran. jadi kita boleh lihat komitmen guru dan kerjasama mereka... ”*

Seterusnya pengetua juga mengatakan keperluan guru-guru yang telah hadir mengikuti kursus-kursus berkongsi dengan guru-guru lain. Biasanya akan dilakukan program latihan dalaman atau *in-house training* untuk menjelaskan kepada guru-guru lain,

*“...macam in-house training lah... ada juga kita ambil hari Sabtu terus pun. Jadi guru-guru ada juga datang (ke sekolah) hari Sabtu. Kita nak libat semua guru... kita datang hari Sabtu”*

Pengetua juga ada menambah,

*“...aktiviti LADAP masing-masing ada buat untuk meningkatkan subjek masing-masing...”*

Berdasarkan dapatan di atas, boleh dirumuskan bahawa fungsi pembelajaran secara pengaplikasian ini diamalkan di sekolah kajian sebagaimana yang dijelaskan dalam temu bual bersama pengetua cemerlang. Antara yang dilaksanakan di sekolah kajian ialah usaha guru-guru mencuba pelbagai strategi dalam proses PdP sehari-hari, kerjasama antara guru dalam mencuba strategi-strategi PdP, keterlibatan guru-guru dalam latihan perkembangan staf dan bagaimana input-input baru yang diperoleh oleh guru-guru dari kursus-kursus yang dihadiri dapat dikongsi dengan guru-guru lain serta diamalkan dalam kelas pengajaran mereka.

Secara keseluruhannya hasil daripada kajian ini dapatlah dirumuskan bahawa guru-guru di sekolah kajian mengamalkan ciri-ciri yang terdapat dalam fungsi amalan pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasian seperti mana yang terdapat dalam Model KPP Olivier dan Hipp (2010). Ciri-ciri yang dimaksudkan ialah: Guru-guru bekerjasama meningkatkan pengetahuan bagi menambah kemahiran PdP, Kejeleketaan dalam kalangan guru mencerminkan komitmen mereka terhadap usaha penambahbaikan sekolah, guru-guru bekerjasama merancang menyelesaikan masalah bagi memenuhi keperluan murid, pembelajaran secara kolektif dilaksanakan melalui perbincangan terbuka, guru-guru secara kolaboratif menganalisis pelbagai sumber data untuk mencapai keberkesanan dalam amalan pengajaran, guru-guru secara kolaboratif menganalisis pencapaian pelajar bagi mempertingkatkan kemahiran PdP, guru-guru bekerjasama mencuba pelbagai strategi PdP untuk diaplikasikan dalam tugas mereka, guru-guru terlibat dalam perbincangan yang mencetuskan kepelbagaiannya idea bagi menggalakkan penerokaan selanjutnya, Latihan Perkembangan Staf adalah lebih berfokus kepada meningkatkan pengetahuan bagi menambahkan kemahiran PdP, guru-guru bekerjasama dengan PIBG dalam mengaplikasikan pengetahuan baru untuk menyelesaikan masalah, dan guru-guru komited terhadap program yang boleh menyuburkan pembelajaran.

Walau bagaimanapun terdapat tiga ciri tambahan yang diamalkan oleh guru-guru di sekolah kajian namun tidak di senaraikan dalam ciri-ciri sebagaimana yang terdapat dalam Model KPP Olivier dan Hipp (2010). Ciri-ciri yang dimaksudkan ialah: *“Guru-guru dilibatkan secara aktif dalam kursus-kursus yang penting khususnya berkaitan PdP”*, *“Guru-guru yang menghadiri kursus mengadakan latihan dalaman supaya dapat berkongsi pengetahuan PdP dengan rakan sekerja”*, dan *“Guru-guru yang menghadiri kursus digalakkan mengaplikasikan kemahiran yang diperoleh dalam PdP mereka”*.

Ini menjelaskan bahawa saranan KPP berkaitan kerjasama guru-guru dalam meningkatkan kompetensi dan prestasi kerja adalah aspek yang diberi penekanan oleh pengetua. Guru-guru digalakkan saling mencerap antara satu sama lain, memberi maklum balas dan berkongsi idea berkaitan amalan-amalan mengajar yang berkesan. Selain itu juga semua guru termasuk guru cemerlang diberi peluang menjadi jurulatih bagi membimbing rakan-rakan dalam mengaplikasikan pembelajaran mereka agar dapat dikongsi bersama rakan

yang lain. Pengetua juga memberikan penekanan terhadap amalan kolaboratif antara guru-guru dalam menganalisis tugas dan data-data pencapaian murid-murid dalam merangka aktiviti dan penambahbaikan berterusan.

### **Perbincangan**

Dapatkan menunjukkan enam amalan pembelajaran secara kolektif diamalkan sebagaimana yang terdapat dalam senarai semak *Professional Learning Communities Assessment – Revised (PLCA-R)* yang diperkenalkan oleh Olivier dan Hipp (2010). Amalan yang dimaksudkan ialah: (1) Guru-guru bekerjasama meningkatkan pengetahuan bagi menambah kemahiran PdP, (2) Kejelekatan dalam kalangan guru mencerminkan komitmen mereka terhadap usaha penambahbaikan sekolah. (3) Guru-guru bekerjasama merancang menyelesaikan masalah bagi memenuhi keperluan murid, (4) Pembelajaran secara kolektif dilaksanakan melalui perbincangan terbuka. (5) Guru-guru secara kolaboratif menganalisis pelbagai sumber data untuk mencapai keberkesanannya dalam amalan pengajaran, (6) Guru-guru secara kolaboratif menganalisis pencapaian pelajar bagi mempertingkatkan kemahiran PdP. Dapatkan kajian yang diperoleh di sekolah kajian ini adalah bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji awal berkaitan KPP. Antaranya ialah seperti yang dijalankan oleh Dufour et al. (2004) yang mengatakan amalan pembelajaran secara kolektif akan dapat dicapai sekiranya guru-guru dapat bekerja dalam satu pasukan secara secara kolaboratif. Ini adalah kerana pasukan yang dibentuk ini akan dapat membuat perancangan yang bersesuaian bagi menambah baik pencapaian murid.

Kenyataan ini disokong Boyd dan Hord (2012) oleh menekankan agar guru-guru tidak bekerja secara berasingan. Mereka mesti duduk bersama dalam satu pasukan untuk menghasilkan budaya pembelajaran secara kolektif yang dapat melonjakkan pencapaian murid dan seterusnya menghasilkan peningkatan kualiti kepada sekolah. Zuraidah Abdullah (2009) dalam kajian turut menerima kenyataan ini dan beliau menjelaskan proses pembinaan komuniti pembelajaran profesional di sekolah adalah memerlukan masa yang panjang, usaha dan tenaga secara kolektif daripada semua pihak. Kenyataan ini bertepatan dengan dapatan yang diperoleh daripada kajian yang dijalankan oleh Carpenter (2015). Beliau menegaskan bahawa Selain itu bagi mencapai amalan pembelajaran secara kolektif di sekolah-sekolah, pentadbir sekolah juga disarankan sentiasa bersama dengan warga sekolah, mengemukakan polisi dan prosedur yang jelas dalam setiap perkara untuk membantu guru-guru. Kerjasama yang erat antara guru-guru dan pentadbir sekolah dapat diperkuuhkan lagi atau dimantapkan melalui kerjasama secara kolaboratif yang diwujudkan dalam kalangan warga sekolah.

Selain enam amalan tersebut, terdapat satu amalan tambahan yang dicadangkan oleh pengetua cemerlang yang perlu ada dan dilaksanakan dalam amalan pembelajaran secara kolektif di sekolah. Amalan tersebut ialah iaitu “*Guru-guru dilibatkan secara aktif dalam kursus-kursus yang penting khususnya berkaitan PdP*”. Amalan ini tidak terdapat dalam senarai semak soal selidik asal *Professional Learning Communities Assessment – Revised (PLCA-R)*, namun atas cadangan yang diperoleh daripada temu bual bersama pengetua cemerlang dan pengesahan semakan oleh pakar yang dirujuk maka amalan ini diterima sebagai amalan bersama yang membentuk fungsi pembelajaran secara kolektif dan diamalkan oleh guru-guru di sekolah kajian.

Seterusnya bagi amalan pembelajaran secara pengaplikasian dapatkan menunjukkan lima amalan pembelajaran secara pengaplikasian diamalkan sebagaimana yang terdapat dalam senarai semak *Professional Learning Communities Assessment – Revised (PLCA-R)* yang diperkenalkan oleh Olivier dan Hipp (2010). Amalan yang dimaksudkan ialah: (1) Guru-guru bekerjasama mencuba pelbagai strategi PdP untuk diaplikasikan dalam tugas mereka, (2) Guru-guru terlibat dalam perbincangan yang mencetuskan kepelbagai idea bagi

menggalakkan penerokaan selanjutnya, (3) Latihan Perkembangan Staf adalah lebih berfokus kepada meningkatkan pengetahuan bagi menambahkan kemahiran PdP, (4) Guru-guru bekerjasama dengan PIBG dalam mengaplikasikan pengetahuan baru untuk menyelesaikan masalah, dan (5) Guru-guru komited terhadap program yang boleh menyuburkan pembelajaran.

Dapatkan kajian yang diperoleh di sekolah ini sangat bertepatan dengan kajian-kajian terdahulu yang pernah dijalankan. Antaranya kajian oleh Cavanagh dan Deller, (2001) yang menyarankan guru yang melibatkan diri dan bekerja bersama-sama, saling berkongsi kemahiran, bertukar-tukar kepakaran dan pengetahuan bagi mencapai fokus yang sama akan dapat memberikan impak yang besar kepada kejayaan murid-murid dan peningkatan dalam kualiti sekolah. Ini adalah kerana guru-guru dapat sama-sama mengaplikasikan kemahiran-kemahiran yang mereka miliki bersama warga sekolah yang lain. Kajian Ricketts (2008) sebelum itu juga turut menyentuh tentang perkara yang sama apabila hasil kajianya menunjukkan amalan komuniti pembelajaran profesional memberi peluang kepada guru-guru untuk terlibat secara aktif dalam perbincangan yang memberi fokus kepada pentaksiran, amalan pengajaran dan perancangan intervensi murid-murid. Selain daripada lima amalan seperti yang disenaraikan di atas, terdapat dua amalan tambahan dalam fungsi ini turut dilaksanakan sebagaimana yang dicadangkan oleh pengetua cemerlang. Dua amalan yang dimaksudkan ialah “*Guru-guru yang menghadiri kursus mengadakan latihan dalam supaya dapat berkongsi pengetahuan PdP dengan rakan sekerja*” dan “*Guru-guru yang menghadiri kursus digalakkan mengaplikasikan kemahiran yang diperoleh dalam PdP mereka*”.

Kedua-dua amalan ini tidak terdapat dalam senarai semak seperti yang terdapat dalam Model KPP oleh Olivier, Hipp dan Huffman (2010), namun atas cadangan yang diperoleh dalam temu bual bersama pengetua cemerlang dan pengesahan semakan oleh pakar yang dirujuk, maka amalan ini diterima sebagai amalan bersama yang membentuk fungsi pembelajaran secara pengaplikasian.

Temu bual yang dijalankan menunjukkan bahawa pengetua bersetuju adanya pelbagai cara digunakan oleh guru-guru untuk mencuba pelbagai strategi dalam proses PdP sehari-hari. Selain itu kerjasama antara guru juga diwujudkan seperti dalam latihan perkembangan staf untuk meningkatkan pengetahuan bagi menambahkan kemahiran pengajaran. Guru-guru juga komited terhadap program-program yang dilaksanakan di sekolah untuk menyuburkan pembelajaran murid. Malah, bagi guru-guru yang menghadiri kursus atau input-input baru dari dalam ataupun luar sekolah, disarankan untuk berkongsi dengan guru-guru lain malah digalakkan untuk mengaplikasikan kemahiran-kemahiran yang diperoleh tersebut dalam PdP mereka.

## **Kesimpulan**

Komuniti pembelajaran profesional merupakan amalan penambahbaikan sekolah yang sangat berkesan dan mempunyai peranan yang sangat penting dalam membentuk personal serta keupayaan kolektif dan pengaplikasian guru-guru. Tujuannya adalah untuk menghadapi cabaran bagi meningkatkan pencapaian murid dan kualiti sekolah. Pembangunan komuniti pembelajaran profesional melalui memperkasakan amalan fungsi-fungsi utama yang menjadi tunjang komuniti pembelajaran profesional seperti amalan pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasian dilihat dapat mempertingkatkan amalan pengajaran guru dan aktiviti pembelajaran murid yang merupakan amalan asas dalam aktiviti penambahbaikan sekolah. Kajian ini telah mengenal pasti enam ciri utama dalam amalan pembelajaran secara kolektif dan lima ciri utama dalam amalan pembelajaran secara pengaplikasian yang dilaksanakan oleh warga sekolah sebagaimana yang terdapat dalam Model Komuniti Pembelajaran Profesional yang dikemukakan oleh Olivier dan Hipp (2010). Namun demikian terdapat tiga ciri lain yang

harus diberikan peranan dan diamalkan oleh warga sekolah bagi mencapai hasrat meningkatkan pencapaian murid dan kualiti sekolah. Kesemua ciri yang terdapat dalam fungsi amalan pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasian ini wajar difahami dan diamalkan secara menyeluruh demi mencapai hasrat meningkatkan pencapaian murid dan kualiti sekolah.

## Rujukan

- Airasian, P., & Gay, L. R. (2003). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications* (7<sup>th</sup> ed). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Boyd, V., & Hord, S. M. (2012). Schools as learning communities. *Issues about change*, 4(1), 1-8.
- Boyer, E. L. (2010). *The basic school: A community for learning*. Princeton, NJ: Carnegie Foundation for the Advancement of Teaching.
- Cavanagh, R. F., & Dellar, G. B. (2001). *School improvement: Organizational development or community building*. Paper presented at the Annual conference of the Australian Association for research in Education. Dimuat turun pada 3 Julai 2014 daripada <http://www.aaree.edu.au/01pap/de101143.html>.
- Darling-Hammond, L., Chung Wei, R., Andree, A., Richardson N. & Orphanos, S. (2006). *Professional learning in the learning profession: A state report on teacher development in the United States and Abroad*. National Staff Development Council. Dicapai pada 15 Disember 2013 di [http://www.srnleads.org/resources/publications/pdf/nsdc\\_profdev\\_shortreport.pdf](http://www.srnleads.org/resources/publications/pdf/nsdc_profdev_shortreport.pdf)
- DuFour, R. (2001). *What is Professional Learning Community*. Dicapai pada 30 Disember 2013 di <http://www.allthingsplc.info/pdf/articles/WhatIsAProfessionalLearningCommunity.pdf>. DuFour
- DuFour, R. (2004). What is a Professional Learning Community, *Educational Leadership*, 61(8), 6-11.
- DuFour, R., & Eaker, R. (1998). *Professional Learning Communities at Work: Best practices for enhancing student achievement*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- DuFour, R., & Marzano. R. J. (2009). High-leverage strategies for principal leadership. *Educational Leadership*, vol.66, no.5. Association for Supervision and Curriculum Development (ASCD), 62-68.
- DuFour, R., DuFour, R., Eaker R., & Karhanek, G. (2004). *Whatever it takes: How professional learning communities respond when kids don't learn*. Bloomington, IN: National Educational Services.
- Dufour, R., Dufour, R., Eaker, R., & Many, T. (2006). *Learning by doing: A handbook for professional learning communities at work*. Bloomington: Solution Tree (formerly National Education Service).
- Eaker, DuFour & DuFour (2002). *Getting started: Recultring school to become professional learning communities*. Bloomington: Solution Tree (Formerly National Educational Service).
- Fleming, G. L. (2002). Principal and teachers: Continuous learners. *Issues about Change*, 7(2), 1-9.
- Fullan, M. (2001). *Leading in a culture of change*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Fullan, M. G. (2002). *Educational reform as continuous improvement*. Thousand Oaks: Corwin Press Inc.
- Hargreaves, D. H. (2003). The knowledge-creating school. Dalam B. Moon, J. Butcher, & E. Bird (Eds.), *Leading profesional development in education*. (pp. 224-240). London: Routledge Falmer.
- Harris, A. (2002). *School improvement: What's in it for school*. London: Routledge Falmer.
- Harris, A. (2003). Introduction. Dalam Harris. A, Day. C, Hopkins. D, Hadfield. M, Hargreaves. A, & Chapman, C (Editors). *Effective leadership for school improvement* (p.2-5). London: Routledge Falmer.

- Hipp, K. A., & Huffman, J. B. (2000). *Creating communities of learners: The interaction of shared leadership, shared vision and supportive conditions*. Kertas pembentangan di dalam mesyuarat tahunan American Educational Research Association. New Orleans April 24-28.
- Hipp, K. A., & Huffman, J. B. (2003). *Professional Learning Communities: Assessment-Development-Effect*. Paper presented at the Annual Conference of the International Congress for School Effectiveness and Improvement. Sydney, Australia.
- Hord, S. M. (1997). *Professional learning communities: Communities of continuous inquiry and improvement*. Austin Texas, Southwest Educational Development Lab. Dicapai pada 14 Januari 2014 di Southwest Educational Development Laboratory Databases.
- Hord, S. M., & Sommers (2008). *Leading professional learning communities; Voices from research and practice*. Thousand Oaks: Corwin Press.
- Ishak Sin. (2004). Sekolah berkesan: Amalan-amalan dalam pengurusan dan pendidikan. *Jurnal Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan*, 12(2), 1-21.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Kit PLC Professional Learning Community*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Marzano, R. (2003). *What works in schools: Translating research into action*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- McLaughlin, M., & Talbert, J. E. (2001). *Professional communities and the work of high school teaching*. Chicago: The Universiti of Chicago Press.
- Molenda, M. (2003). The ADDIE Model. Dalam A. Kovalchick & K. Dawson (Eds.), *Educational technology: An Encyclopedia*. *Performance Improvement*, 42(5), 43-49. Dimuat turun pada 10 April, 2013 daripada <http://www.indiana.edu/~molpage/In%20Search%20of%20Elusive%20ADDIE.pdf#search=%22ADDIE%20Model%20%2Bhistory%22>.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Gary M. Crow., & Faisol Elham (2013). Pelaksanaan penambahbaikan sekolah: Senario amalan komuniti pembelajaran profesional di negara maju. *Jurnal Isu Dalam Pendidikan*, 37.
- Muhammad Faizal A. Ghani., & Gary M. Crow (2013). Amalan komuniti pembelajaran profesional: Perspektif pemimpin sekolah cemerlang negara maju. *Jurnal Isu Dalam Pendidikan*, 37.
- Olivier, D. F., Hipp, K. K., & Huffman, J. B. (2010). Assessing and analyzing schools. Dalam K. K. Hipp & J. B. Huffman (Eds.), *Demystifying professional learning communities: School leadership at its best*. Lanham, MD: Rowman & Littlefield. Dimuat turun pada 13 Oktober 2014 di: [http://www.dropoutprevention.org/sites/default/files/PLC-Assessment-R\\_20101109.pdf](http://www.dropoutprevention.org/sites/default/files/PLC-Assessment-R_20101109.pdf).
- Ontario Principals' Council (2009). *The principal as professional learning community leader*. Thousand oaks, California: Corwin Press.
- Pancucci, S. (2008). A retrospective analysis of a profesional learning community: How teachers' capacities shaped it. *International Journal of Social Science*, 3, 62-69.
- Ricketts, B. L. (2008). *The initiation and implementation of professional learning communities in a Georgia's Needs Improvement school: A case study*. Ph.D. dissertation, Capella University, United States -- Minnesota. Retrieved June 2, 2009, from Dissertations & Theses: Full Text database. (Publication No. AAT 3315219).
- Robson, C. (2002). *Real word research: A resource for social scientists and practitioner researchers* (2<sup>nd</sup> ed.). Oxford Blackwell.

- Schmoker, M. (2006). Result now: *How can we achieve unprecedented improvements in teaching and learning*. Alexandria, VA: ASCD.
- Senge, P., Cambron-McCabe, N., Lucas, T., Smith, B., Dulton, J., & Kleiner, A. (2000). *Schools that learn*. New York: Doubleday.
- Sergiovanni, T. J. (2000). *Moral leadership: Getting to the heart of school improvement*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Sergiovanni, T. J. (2001). *The Principalship: A reflective practice perspective*. Needham Height: Allyn & Bacon.
- Slater, L. (2004). Collaboration: A framework for school improvement. *International Electronic Journal for Leadership in Learning*, 8(5). Dicapai pada 15 Disember di <http://www.ucalgary.ca/iejll/Vol8/Slater>.
- Stoll, L., & Louise, K. S. (2007). Professional Learning Communities: Elaborating new approaches. Dalam Stoll, L., & Louis, K.S (Eds.), *Professional Learning Communities: Divergence, depth and dilemmas*, pp.1-14. Berkshire, England: Open University Press.
- Teo Boon Hwa (2010). *Kepemimpinan transformasional pengetua dan amalan KPP di sebuah sekolah di Selangor*. Disertasi sarjana kepengetuaan yang tidak diterbitkan: Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Vescio, V., Ross, D., & Adams, A. (2008). A review of research on the impact of professional learning communities on teaching practice and student learning. *Teaching and Teacher Education*. New York.
- Zuraidah Abdullah & Rahimah Hj Ahmad. (2009). Komuniti pembelajaran profesional: satu kajian perbandingan antara sekolah menengah kebangsaan harian biasa dan sekolah menengah kebangsaan anugerah cemerlang 2007. *Jurnal Administrasi Pendidikan, Volume X. Nombor 2*, 12-29.
- Zuraidah Abdullah (2009). *Profil komuniti pembelajaran profesional sekolah menengah di Malaysia*. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan. Institut Pengajian Kepengetuaan, Universiti Malaya.
- Zuraidah Abdullah et. al (2009). *Komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan warga sekolah menengah di Malaysia*. Kertas pembentangan di Seminar Kepengetuaan Kebangsaan Kali Ke-VI pada 9-12 Mac 2009 bertempat di Institut Pengajian Kepengetuaan, Universiti Malaya.